

Kadar ketika ini adalah 2.8 pada April lalu

Inflasi boleh cecah 11.4% jika tiada subsidi

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendapati kadar inflasi di Malaysia boleh mencecah 11.4 peratus sekiranya kerajaan menghapuskan semua subsidi yang dinikmati rakyat ketika ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, ketika ini, kadar inflasi negara berada pada 2.8 peratus bagi Mei berbanding 2.3 peratus dan 2.2 peratus pada April juga Mac lalu.

Beliau berkata, jumlah RM77.3 bilion subsidi yang diberikan kerajaan ketika ini penting bagi menstabilkan harga bagi petrol, diesel, minyak masak, ayam, telur dan gas petroleum cecair (LPG).

“Kita cukup sedar bahawa rakyat mengeluh dengan kenaikan harga barangan ketika ini

dan kita juga harus sedar bahawa tanpa subsidi kerajaan, kadar inflasi akan meningkat.

“Justeru, kita harus bersyukur dengan agihan subsidi yang begitu besar diumumkan kerajaan.

“Jadi, kita ada dua pilihan, jika kita hapus subsidi, rakyat akan tertekan dan kedudukan kewangan kerajaan akan bertambah baik, namun kerajaan memilih untuk menjaga kesejahteraan rakyat,” katanya pada sidang akhbar selepas Pelancaran Statistics Data Warehouse (StatsDW) 2.0 di sini semalam.

Ditanya sama ada kadar defisit negara akan terus meningkat susulan agihan subsidi terbesar dalam sejarah negara itu, Mustapa berkata, ketika ini, kerajaan masih mengekalkan kadar defisit enam peratus tahun ini.

“Kerajaan perlu melihat kepada langkah-langkah penjimatan termasuk mengurangkan perbe-

lanjau mengurus dan perbelanjaan pembangunan sekiranya krisis ekonomi berlarutan,” katanya.

Jelas beliau, kerajaan juga boleh mengambil langkah menyemak kembali beberapa projek mega sebagai langkah penjimatan kewangan negara sekiranya keadaan ekonomi dunia tidak berubah dan semakin mencabar.

“Keadaan ekonomi dunia kini agak dinamik dan berubah dari semasa ke semasa, malah harga bahan api global juga masih tinggi selain keadaan geopolitik Rusia-Ukraine yang masih berlarutan,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz ada memaklumkan unjuran perbelanjaan subsidi ditanggung kerajaan pada tahun ini adalah sebanyak RM77.3 bilion iaitu tertinggi dalam sejarah negara ini.



RAKYAT Malaysia ketika ini menerima tanggungan subsidi oleh kerajaan sebanyak RM77.3 bilion dan ia merupakan yang tertinggi dalam sejarah.